

**UCAPAN**

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH  
BINTI WAN SULAIMAN  
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN APRIL 2013  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
PADA 11 APRIL 2013**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saudara pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada pagi ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. In Sha Allah. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu sebentar tadi.

YBhg. Dato' Rosini binti Abd Samad, TAN (K), YBrs. Puan Hawazain binti Shaari, TAN (O), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat, izin dan kurniaNya, kita dapat berkumpul sekali lagi pada pagi ini dalam perhimpunan bulan April tahun 2013.

Tuan-tuan dan puan sekalian,

## **PORTAL KNOWLEDGE MANAGEMENT (KM) JANM**

Seperti yang disebutkan oleh YAB Perdana Menteri, anggota perkhidmatan awam memainkan peranan penting untuk melaksana dan menyokong program-program Transformasi Nasional. Dalam mencapai agenda nasional tersebut, *Knowledge Management* di sektor awam menjadi tonggak utama khususnya dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan dan pembuatan keputusan.

Pembangunan *portal KM* JANM adalah sejajar dengan wawasan *Knowledge Management* untuk sektor awam iaitu "***Kecemerlangan Ilmu Sebagai Pemangkin Kepada Penyampaian Perkhidmatan yang Berkesan***". Oleh itu, marilah kita semua warga JANM sama-sama bertekad untuk membudayakan perkongsian pengetahuan melalui *portal KM* bagi mencapai matlamat penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, sekali gus mencapai agenda nasional negara.

## **PERASMIAN TERMINAL BERSEPADU SELATAN, BANDAR TASIK SELATAN (TBS-BTS)**

Sukacita dimaklumkan bahawa YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah bersetuju untuk turun padang dan merasmikan Terminal Bersepadu Selatan, Bandar Tasik Selatan (TBS-BTS) seperti ketetapan berikut:

**Tarikh** : 14 April 2013 (Ahad)  
**Masa** : 3.00 Petang  
**Tempat** : Balai Ketibaan, Aras 3, TBS-BTS

Sehubungan dengan perkara tersebut, semua warga JANM adalah dijemput untuk turut hadir ke majlis ini. Pihak Urus setia majlis juga menggalakkan semua yang hadir untuk membawa pasangan masing-masing bagi memeriahkan acara perasmian tersebut.

## **PILIHANRAYA UMUM MALAYSIA KE-13**

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pembubaran parlimen pada 3 April 2013 yang lalu dan pilihanraya umum ke-13 akan diadakan pada 5 Mei 2013.

Justeru, saya suka mengambil peluang ini untuk mengingatkan supaya warga JANM dan seluruh warga perkhidmatan perakaunan agar menjaga tatasusila pada musim PRU 13 ini. Janganlah terlalu aktif berpolitik dan berkempen bagi parti-parti tertentu sehingga meninggalkan kerja harian pejabat. Sentiasalah jaga nama baik sebagai anggota perkhidmatan awam, khasnya warga JANM dalam apa sahaja tindakan yang tuan-tuan dan puan-puan lakukan.

Gunakan kuasa yang ada pada anda semua untuk membuat pilihan yang bijaksana, agar agenda transformasi negara dapat diteruskan dan mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

## KESELAMATAN DOKUMEN TERPERINGKAT KERAJAAN

Saya suka mengingatkan semua warga JANM untuk mempertingkatkan langkah-langkah keselamatan untuk memelihara kerahsiaan maklumat dan dokumen terperingkat Kerajaan agar ianya tidak sampai ke tangan mereka yang tidak sepatutnya.

Ini kerana, sebagai penjawat awam, kita semua adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972, yang mana kita semua telah menandatangani dan beraku janji untuk menjaga rahsia Kerajaan.

## PENUTUP

Pada 1 Mei 2013, kita akan sekali lagi menyambut Hari Pekerja, bagi tahun 2013. Bersempena dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu ***Pekerja Pemangkin Transformasi Negara***, marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan prestasi kerja pada tahun 2013 ini dan sentiasa berazam untuk memajukan diri dan kerjaya.

Sebagai penjawat awam, kita perlulah sentiasa berusaha untuk meningkatkan integriti serta kualiti perkhidmatan kita kepada stakeholder dan pelanggan. Hayati, amal, dan budayakanlah nilai-nilai bersama Jabatan kita (**S.P.E.C.I.A.L**) tanpa mengira di mana kita ditempatkan bertugas. Jadikanlah nilai-nilai bersama ini sebagai salah satu panduan dalam kerja seharian kita semua. Nilai-nilai ini merupakan nilai yang universal yang boleh dibudayakan pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Ingatlah bahawa tugas kita adalah satu amanah yang perlu dijaga, dan bukan milik kita untuk selamanya. Laksanakanlah amanah yang diberikan dengan penuh dedikasi dan berintegriti, secara profesional tanpa meninggalkan sifat "*personal humility*" (rendah diri). Berusahalah bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas untuk mencapai KPI yang disasarkan, seterusnya merelisasikan visi JANM untuk menjadi sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam, In Sha Allah.

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.